



**BUKU PANDUAN
&
PERATURAN AM
PELAJAR POLITEKNIK**

KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
Kandungan	1
Pendahuluan	2
Maklumat Korporat Politeknik	3
• Falsafah Pendidikan	
• Visi Jabatan Pengajian Politeknik	
• Misi Jabatan Pengajian Politeknik	
• Lagu Politeknik Malaysia	4
Pengenalan kepada Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	5
• Visi Politeknik Tun SYed Nasir Syed Ismail	
• Misi Politeknik Tun SYed Nasir Syed Ismail	
• Senarai Staf Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	
Suasana Dan Sistem Pembelajaran	7
Perkhidmatan dan Kemudahan	13
Panduan Dan Peraturan Am Pelajar Politeknik	15
Lampiran	34



PENDAHULUAN

TAHNIH DAN SELAMAT DATANG

Terlebih dahulu seluruh warga Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail mengucapkan sekalung tahniah dan mengalu-alukan kedatangan semua pelajar baru ke Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) pada sesi ini.

Tujuan Buku Panduan Pelajar ini dibangunkan ialah sebagai panduan kepada semua pelajar baru untuk memahami sistem yang dilaksanakan di PTSN serta mengetahui peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi. Buku panduan ini telah diadaptasikan dari buku panduan peraturan am pelajar Politeknik. Adalah diharapkan agar semua peraturan ini akan dapat dipatuhi dan mampu membentuk sahsiah sebagai seorang pelajar di institusi pengajian tinggi. Harapan kami juga, buku panduan ini dapat memberi sedikit sebanyak pengetahuan kepada siswa ke arah pembentukan ciri-ciri pelajar yang bermotivasi, berwibawa dan berketrampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Kami juga menyimpan harapan agar para siswa dapat memanfaatkan masa pengajian di PTSN semaksima mungkin. Jadikan peluang keemasan ini untuk menimba dan menggali sebanyak mungkin ilmu dan kemahiran dalam persediaan untuk bersaing di alam pekerjaan nanti yang teknologinya canggih dan mencabar.

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih serta penghargaan kepada Pengarah PTSN serta seluruh warga PTSN atas kerjasama yang dihulurkan samada secara langsung atau tidak dalam penerbitan buku ini. Semoga kerjasama erat ini akan terus dikekalkan dalam usaha melahirkan graduan separa profesional untuk negara kita.

Sekian terima kasih.

Disusun dan diterbitkan oleh:

Hal Ehwal Pelajar dan Ahli Jawatankuasa Minggu Transformasi Siswa
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail,

MAKLUMAT KORPORAT POLITEKNIK

FALSAFAH PENDIDIKAN

Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

VISI POLITEKNIK MALAYSIA

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

MISI POLITEKNIK MALAYSIA

1. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf.
2. Memperkasa komuniti melalui penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat.
3. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
4. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

LAGU POLITEKNIK MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA

Politeknik adalah warisan kita
Membekal tenaga bidang teknikal
Bersama membina kemajuan negara
Malaysia tercinta

Akhlak mulia asas jaya
Itulah amalan hidup kita
Di mana sahaja politeknik berada
Harapan tetap sama

Politeknik ku sanjung jasa-jasa mu
Mencipta lembaran sejarah
Harapan impian kan menjadi nyata
Cekal taqwa usaha penentu arah

Maju politeknik ayuh maju
Semangatku merestui perjuanganmu
Teknologi teras pembangunan negara
Politeknik Malaysia.

PENGENALAN KEPADA POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL



VISI POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL

Merupakan salah sebuah institusi TVET dalam bidang kejuruteraan petrokimia dan teknologi kimia serta teknologi makanan di rantau Asia Pasifik.

MISI POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL

- i. Memperkasakan pelaksanaan kurikulum yang dipandu oleh industri.
- ii. Membangun insan yang berkemahiran, berinovasi dan berintegriti berasaskan pendidikan holistik.
- iii. Mendapat pengiktirafan dan akreditasi daripada badan professional yang bertauliah.
- iv. Membudayakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan

LATAR BELAKANG POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL

Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) telah ditubuhkan pada 21 Februari 2014. Nama asal Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail ialah Politeknik Pagoh Johor (PPJ). Nama baru telah digunakan secara rasmi pada 23 Oktober 2015. Politeknik ini beroperasi buat kali pertama kali di Kampus Sementara yang terletak di Kampus B, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Semambu, Kuantan, Pahang pada 1 April 2014. Bermula dari Disember 2014, nama Politeknik Pagoh Johor telah ditukar secara rasmi kepada Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN). Kini Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) telah beroperasi sepenuhnya di kampus tetap di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Johor.



Pada awalnya, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail mempunyai dua jabatan akademik iaitu Jabatan Teknologi Kimia & Makanan (JTKM) dan Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK) dan hanya menawarkan dua program sahaja. Namun kini PTSN menawarkan enam program pengajian peringkat diploma.

PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN DI PTSN:

JABATAN TEKNOLOGI KIMIA DAN MAKANAN (JTKM)	JABATAN KEJURUTERAAN PETROKIMIA (JKPK)
<ul style="list-style-type: none"> Diploma Teknologi Makanan (DTM) Diploma Teknologi Kimia (Lemak & Minyak) (DFO) 	<ul style="list-style-type: none"> Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) (DPE) Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Petrokimia) (DPC) Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Instrumentasi (DEI) Diploma Kejuruteraan Kimia (DCE)

SUASANA DAN SISTEM PEMBELAJARAN

JADUAL PERJALANAN PROGRAM

Pengajian bagi program diploma yang ditawarkan ialah selama 6 semester.

KURSUS	TAHAP	AKTIVITI
Peringkat Diploma	Semester 1	6 bulan pengajian di politeknik
	Semester 2	6 bulan pengajian di politeknik
	Semester 3	6 bulan pengajian di politeknik
	Semester 4	6 bulan pengajian di politeknik
	Semester 5	6 bulan pengajian di politeknik
	Semester 6	6 bulan latihan industri

WAKTU PENGAJIAN

Hari-hari pengajian adalah dari hari Ahad hingga Khamis mulai jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang dan 8.00 pagi hingga jam 3.30 petang (Khamis). Waktu rehat tengahari adalah antara jam 1.00 tengahari hingga 2.00 petang. Walau bagaimanapun terdapat jabatan-jabatan atau program tertentu yang menjalankan waktu anjal mengikut keperluan.

KEHADIRAN PELAJAR

Kehadiran pelajar adalah **wajib** ke semua kuliah, tutorial, amali dan bengkel serta semua aktiviti dan program ko-kurikulum dan akademik mengikut jadual yang akan diberi kepada semua pelajar oleh jabatan masing-masing. Di samping itu terdapat juga arahan-arahan dari semasa ke semasa yang diberikan oleh pensyarah di luar waktu kuliah atau jadual.

KEHADIRAN KE KULIAH/AMALI, CUTI ATAU PENGECUALIAN KELAS

Kehadiran ke kuliah/amali adalah wajib. Pelajar yang kehadirannya kurang daripada 80% adalah tidak layak menduduki Peperiksaan Akhir. Kebenaran pengecualian kuliah atau kelas hanya dikeluarkan oleh Pengarah atau Ketua Jabatan masing-masing. Cuti sakit mestilah disertakan dengan Sijil Cuti Sakit yang sah dari doktor kerajaan atau hospital swasta (tidak melebihi 2 hari) kecuali bagi kes-kes yang dibenarkan. Pelajar yang tidak hadir ke kuliah/amali perlu mengemukakan bukti seperti surat pengecualian kuliah atau Surat Cuti Sakit yang diperakukan oleh doktor dalam tempoh 7 hari.

KERJA MAKMAL / BENGKEL / PROJEK

Kerja makmal / bengkel / projek adalah diwajibkan bagi semua kursus yang mempunyai waktu makmal, bengkel atau amali. Semua kursus yang dikendalikan di PTSN mempunyai peruntukan masa untuk kerja-kerja makmal / projek / bengkel.

Secara umumnya, dalam kerja-kerja makmal / bengkel / projek, pelajar-pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan kecil mengikut saiz kelas. Pelajar-pelajar dikehendaki bekerjasama dalam satu-satu kerja makmal / bengkel / projek amali. Setiap kerja perlu disertakan dengan laporan dan akan disemak oleh pensyarah dan diberikan markah mengikut kumpulan tersebut atau individu. Markah tersebut menjadi sebahagian daripada markah penilaian berterusan.

KERJA KURSUS / PENILAIAN BERTERUSAN

Kerja kursus / penilaian berterusan akan diberikan untuk menilai sejauhmana kefahaman pelajar mengenai isi kandungan kuliah mereka selaras dengan ketetapan kurikulum. Markah kerja kursus akan dinilai dan akan dikumpulkan sebagai markah akhir (tertakluk kepada silibus kursus)

BIMBINGAN KURSUS (TUTORIAL)

Sebahagian kursus seperti matematik dan kursus umum lain, sesi tutorial dilaksanakan. Tujuan tutorial ini diadakan adalah untuk memberi bimbingan terperinci kepada pelajar-pelajar dalam kursus berkenaan. Pelajar-pelajar dinasihatkan agar menggunakan masa bimbingan ini dengan sepenuhnya. Soalan-soalan bimbingan akan diberikan sebelum atau sewaktu kelas bimbingan. Apa-apa jua masalah yang timbul boleh diajukan kepada pensyarah yang berkenaan.

PENASIHAT AKADEMIK (PA)

Setiap kelas akan diletakkan di bawah pengawasan atau bimbingan pensyarah yang dikenali dengan Penasihat Akademik. Sistem Penasihat Akademik secara umumnya adalah sistem yang diwujudkan untuk membantu pelajar menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan akademik. Sistem ini yang diperkenalkan mulai Jun 2003 menjadi suatu instrumen perhubungan yang sistematik untuk pelajar mendapatkan bantuan, nasihat, bimbingan dan maklumat yang tepat dari sumber yang betul bagi menghasilkan modal insan yang cemerlang dan bertanggungjawab. Penasihat Akademik kelas berkenaan akan bertanggungjawab untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan akademik.

PENILAIAN MENGIKUT SISTEM SEMESTER

Penilaian yang dilaksanakan adalah mengikut semester. Agihan penilaian terbahagi kepada Penilaian Berterusan dan Peperiksaan Akhir. Peratusan agihan adalah mengikut keperluan kursus.

Penilaian Berterusan boleh terdiri daripada komponen-komponen berikut:

- i. Kuiz yang berupa ujian ringkas yang diberikan pada waktu selepas kuliah sesuatu topik pengajaran.
- ii. Tutorial – latihan yang diberikan sewaktu bimbingan.
- iii. Ujian – penilaian yang agak menyeluruh yang diberikan selepas beberapa topik selesai diajar.
- iv. Tugas atau kerja kursus – pelajar-pelajar akan diberikan topik-topik atau masalah tertentu untuk diselesaikan. Tempoh yang sesuai diberikan kepada para pelajar untuk menyelesaikan isu-isu yang diberikan dan untuk menghantar laporan atau jawapan kepada persoalan yang diberikan.
- v. Makmal / Bengkel / Projek – markah akan diberikan kepada laporan-laporan kerja-kerja makmal / bengkel / projek sebagaimana yang diterangkan terlebih dahulu.
- vi. dan sebagainya mengikut keperluan dalam kurikulum sesuatu kursus.

Peperiksaan akhir biasanya bermula dua atau tiga minggu sebelum tamat semester berkenaan.

LAWATAN KE INDUSTRI

Lawatan akan disusun oleh kelas-kelas tertentu oleh jabatan masing-masing dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar berkenaan dengan keadaan sebenar di sektor industri dan juga jabatan kerajaan terutama perkara-perkara yang agak relevan dengan kursus para pelajar.

LATIHAN INDUSTRI (LI)

Pelaksanaan latihan industri ialah pada semester akhir (semester ke 6) dalam pengajian pelajar. Semasa latihan Industri, pelajar akan ditempatkan di Syarikat atau Firma atau jabatan-jabatan kerajaan untuk menjalani latihan industri. Pelajar wajib lulus dalam Latihan Industri untuk diberi dianugerahkan diploma. Pelajar dikehendaki menyediakan laporan harian sepanjang tempoh latihan dan laporan akhir sebaik sahaja tamat latihan. Markah bagi Latihan Industri bergantung kepada laporan harian dan laporan lengkap yang disediakan serta penilaian oleh pihak industri. Jika didapati prestasi para pelajar tersebut semasa latihan tidak memuaskan, pelajar tersebut dikehendaki mengulangi Latihan Industri selama satu (1) semester. Panduan khas mengenai Latihan Industri yang mengandungi garis panduan serta tindakan tatatertib yang akan diambil jika para pelajar melanggar peraturan yang telah ditetapkan, akan diberikan kepada para pelajar sebelum mereka menjalani Latihan Industri.

PEPERIKSAAN

Sistem Nilai Mata

Prestasi pelajar-pelajar dinilai berdasarkan pencapaian pelajar dalam Penilaian Berterusan dan Peperiksaan Akhir. Semua Politeknik di Malaysia menggunakan Sistem Nilai Mata (SNM) untuk membuat penilaian secara kuantitatif terhadap prestasi seseorang pelajar.

Mengikut sistem ini, markah yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam sesuatu kursus berdasarkan kepada kumpulan markah yang telah dibahagikan dan diberikan mata serta gred seperti di dalam **Jadual 1**. Pelajar-pelajar perlu mendapat sekurang-kurangnya 40% untuk lulus dalam sesuatu kursus.

Markah	Nilai Mata	Gred	Status
90 - 100	4.00	A+	Sangat Cemerlang
80- 89	4.00	A	Cemerlang
75 - 79	3.67	A-	Kepujian
70 - 74	3.33	B+	Kepujian
65 - 69	3.00	B	Kepujian
60 - 64	2.67	B-	Lulus
55 - 59	2.33	C+	Lulus
50 - 54	2.00	C	Lulus
47 - 49	1.67	C-	Lulus
44 - 46	1.33	D+	Lulus
40 - 43	1.00	D	Lulus
30 - 39	0.67	E	Gagal
20 - 29	0.33	E-	Gagal
0 - 19	0.00	F	Gagal

Jadual 1

Purata Nilai Mata (PNM) dan Himpunan Nilai Mata (PHNM) menunjukkan kebolehan akademik seseorang pelajar.

PNM = $\frac{\text{Jumlah semua mata kredit yang diperolehi dalam satu semester}}{\text{Jumlah semua mata kredit yang diambil dalam semester tersebut}}$

HPNM= $\frac{\text{Jumlah semua mata kredit yang diperolehi hingga kini}}{\text{Jumlah semua mata kredit yang diambil hingga kini}}$

Bagi pelajar yang sakit ketika peperiksaan berjalan, mereka dikehendaki mengemukakan surat akuan doktor yang sah. Surat akuan doktor swasta adalah terhad kepada 2 hari maksimum berturut-turut dan tidak melebihi lapan hari dalam satu semester

Syarat-syarat untuk Menduduki Peperiksaan Akhir

Para pelajar perlu memenuhi syarat-syarat berikut sebelum dibenarkan menduduki sebarang peperiksaan akhir semester:

1. Pelajar yang telah menghadiri lebih daripada 80% kuliah/tutorial/amali dalam jangkamasa yang telah ditetapkan.
2. Pelajar yang mendaftar kursus yang berkenaan.
3. Pelajar telah menyelesaikan semua tugas / projek dengan memuaskan.

YURAN

Semua yuran yang dikenakan mestilah dijelaskan. Yuran-yuran yang perlu dibayar oleh pelajar bagi setiap semester adalah seperti berikut : (Tertakluk kepada perubahan)

- | | |
|--------------------------------|---|
| a. Yuran Pengajian | RM200.00 |
| b. Yuran Asrama (siswi sahaja) | RM630 |
| c. Yuran Pendaftaran (Maksima) | RM600.00 (Semester1)/ RM150.00 (senior) |

PINJAMAN DAN BIASISWA

Pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk membiayai sendiri pengajian mereka di PTSN dinasihatkan supaya memohon mana-mana biasiswa / pinjaman yang diiklankan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pelajar berkenaan untuk menyediakan wang perbelanjaan yang cukup sementara menunggu wang pembayaran biasiswa atau pinjaman. Seseorang pelajar hanya dibenarkan menerima satu biasiswa / pinjaman sahaja walaupun ditawarkan lebih daripada satu. Pelajar-pelajar mestilah menerima biasiswa / pinjaman yang paling awal ditawarkan. Biasiswa / pinjaman adalah ditawarkan oleh badan-badan berkanun, Jabatan Perkhidmatan Awam, pihak swasta dan kerajaan-kerajaan negeri. Berikut adalah senarai nama penaja-penaja yang menawarkan biasiswa / pinjaman kepada pelajar-pelajar IPT:

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
2. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
3. Yayasan Pahang
4. Yayasan Negeri Kelantan
5. Yayasan Terengganu
6. Kerajaan Negeri Sabah
7. Lembaga Biasiswa Negeri Kedah
8. Yayasan Sabah
9. Yayasan Pelajaran Johor
10. Yayasan Negeri Melaka
11. Yayasan KUOK Berhad
12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang
13. Yayasan Negeri Perak
14. Yayasan Negeri Sarawak

Terdapat juga beberapa badan lain yang menawarkan biasiswa / pinjaman yang boleh dipohon sendiri oleh pelajar-pelajar yang layak dan berminat. Antaranya ialah :

1. Tabung Kebajikan Bekas Perajurit
2. Tabung Kebajikan Bekas Polis

KESELAMATAN

Keselamatan para pelajar serta harta benda para pelajar semasa berada dalam kawasan kampus dan asrama adalah tanggungjawab pelajar sendiri. Arahan keselamatan serta peraturan-perturan yang dikeluarkan oleh pihak PTSN harus dipatuhi semasa berada di bilik-bilik kuliah, makmal, bengkel, atau lain-lain tempat demi menjaga keselamatan dan harta benda para pelajar. Semua pelajar adalah dinasihatkan supaya membaca dan memahami segala peraturan tersebut. Sekiranya berlaku kecemasan, boleh berhubung terus dengan Penasihat Akademik atau pihak Hal Ehwal Pelajar.

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ialah badan induk kepada semua kegiatan dan aktiviti pelajar di IPT. Jawatankuasa ini tertakluk di bawah Akta 174 (Akta Institusi Pelajaran-Tatatertib). Fungsinya meliputi bidang-bidang sosial, disiplin, kebajikan dan sebahagian ko-kurikulum. Pemilihan calon yang menjadi Ahli Jawatankuasa tertinggi adalah secara pilihanraya. PTSN buat kali pertamanya telah membentuk MPP pada tahun 2015 dengan 6 orang ahli jawatankuasa tertinggi. Kini terdapat 20 orang MPP yang dilantik bagi membantu pengurusan segala aktiviti dan kebajikan pelajar.

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA

Bertanggungjawab membantu pelajar-pelajar yang menghadapi sesuatu masalah, sama ada masalah peribadi atau pun pelajaran. Segala maklumat yang dibincangkan adalah rahsia. Disamping itu unit ini menganjurkan program-program untuk pembangunan sahsiah pelajar.

ASRAMA/KAMIS (KOLEJ KEDIAMAN UTHM)

Kemudahan asrama bagi pelajar PTSN adalah di Kolej Kediaman UTHM. Namun bilangan bilik asrama adalah terhad dan tidak dapat menampung keseluruhan pelajar. Setakat ini, hanya **Pelajar Perempuan** diberikan kemudahan Asrama. Pelajar-pelajar yang tidak mendapat kemudahan penginapan bertanggungjawab untuk mencari tempat penginapan sendiri dengan menyewa rumah sekitar Pagoh. Keutamaan kemudahan asrama akan diberi kepada pelajar siswi pada tahun pertama sahaja. Jika terdapat kekosongan, tawaran akan dibuka kepada pelajar-pelajar siswi lain yang memohon. Pelajar yang menginap di asrama akan dikawal selia oleh Pemantau Asrama (Warden).

PERPUSTAKAAN

Perpustakaan PTSN dibuka dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari bekerja kecuali hari Jumaat dan Sabtu. Semua pelajar layak membuat pinjaman buku di perpustakaan PTSN. Setiap pelajar hanya dibenarkan meminjam sebanyak 2 buah buku pada bila-bila masa untuk tempoh selama 2 minggu. Kegagalan memulangkan buku dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan denda akan dikenakan. Lain-lain peraturan perpustakaan boleh dirujuk Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik.

Selain daripada perpustakaan PTSN, terdapat juga kemudahan Perpustakaan Gunasama yang terletak di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh dengan kapasiti yang lebih besar. Perpustakaan ini adalah untuk kemudahan semua warga PTSN, UTHM, IIUM, dan UTM.

KANTIN

Buat masa ini terdapat 3 operator di kantin PTSN. Terdapat beberapa KIOSK berhampiran perpustakaan. Di sini ada menjual pelbagai juadah dan makanan serta minuman. Terdapat juga sebuah koperasi yang menjual barang-barang keperluan harian pelajar.

SURAU

Di PTSN terdapat beberapa surau kecil di setiap bangunan. Namun begitu Pusat Islam yang terletak di bangunan A2 aras 1, merupakan pusat aktiviti solat berjemaah, usrah dan pelajar dan staf PTSN.

SUKAN DAN KO-KURIKULUM

Jabatan Sukan & Ko-Kurikulum dan Kebudayaan(JSKK), PTSN menyediakan perkhidmatan pinjaman alatan perkusi, peralatan sukan, padang serta gelanggang permainan untuk kegunaan pelajar-pelajar. Keterangan lanjut boleh didapati daripada penasihat-penasihat ko-kurikulum. Selain itu, terdapat juga kemudahan gunasama yang disediakan oleh pihak Hab Pendidikan Tinggi Pagoh seperti trek balapan, gelanggang futsal, gelanggang badminton dan juga kolam renang. Pelajar Cuma perlu mengemukakan permohonan untuk penggunaan kemudahan tersebut.

KLINIK KESIHATAN

Tiada klinik disediakan Di PTSN, namun pelajar-pelajar yang memerlukan rawatan boleh menghubungi Penasihat Akademik, atau pihak HEP, untuk mendapatkan perkhidmatan penghantaran ke hospital atau klinik-klinik terdekat. Bagi pelajar yang menginap di Asrama, boleh menghubungi Pemantau Asrama, untuk mendapatkan khidmat penghantaran ke hospital atau klinik, hanya sekiranya berlaku **kes kecemasan** selepas waktu berkerja.

Pelajar yang memerlukan rawatan di hospital kerajaan boleh mendapatkan surat Rawatan Hospital yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau melalui KJHEP, PTSN. Dengan surat tersebut pelajar layak mendapat layanan rawatan dan wad kelas 2 jika dimasukkan ke wad.

**PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR
POLITEKNIK**

PANDUAN DAN PERATURAN AM

1. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR LAMA (SENIOR)

“**Pendaftaran**” di sini membawa maksud melapor diri untuk mengikuti pengajian seterusnya di politeknik.

Pelajar dikehendaki melapor diri seperti mana yang diarahkan. Kegagalan pelajar mengikuti arahan tersebut adalah merupakan satu kesalahan tatatertib.

1.1 MAKLUMAT AM

1.1.1 Syarat Pendaftaran Pelajar Lama

Memenuhi satu daripada syarat-syarat berikut :

- a. Mendapat keputusan Kedudukan Baik (KB), Kedudukan Bersyarat (KS) atau Mengulang Semester (MS).
- b. Tamat menjalani Latihan Industri.
- c. Mendapat kelulusan penangguhan pengajian bagi semester sebelumnya atau pertukaran kursus.

1.1.2 Makluman Tarikh Pendaftaran

Makluman akan dibuat sebelum Peperiksaan Akhir Semester bermula dan akan dimaklumkan melalui laman web kepada pelajar selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

1.2 KEPERLUAN PENDAFTARAN

Semua pelajar baru dan pelajar lama (senior) **diwajibkan** mendaftar secara „On – Line” melalui laman web.

Pelajar baru dikehendaki mendaftar mengikut buku panduan pendaftaran yang boleh didapati atau di muat turun (download) melalui laman web.

Pelajar lama (senior) dikehendaki membawa perkara-perkara berikut semasa mendaftar:

1.2.1 Satu daripada dokumen asal berikut:

- a. Slip keputusan peperiksaan;
- b. Surat/Slip pengesahan tamat menjalani Latihan Industri;
- c. Surat kelulusan penangguhan pengajian; atau Surat kelulusan pertukaran kursus

1.2.2 Kad Pelajar.

1.2.3 Slip bank Untuk Yuran Pengajian.

1.2.4 Slip bank Untuk Asrama (jika ditawarkan).

1.2.5 Slip bank untuk Yuran Pelbagai (seperti yang dinyatakan dalam surat panggilan pendaftaran).

1.3 PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA MENDAFTAR

Pelajar hendaklah berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam diwajibkan menutup aurat mengikut syarak. Semua jenis pakaian hendaklah tidak mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.

1.3.1 Berkasut serta berstokin.

1.3.2 Rambut mestilah kemas. Rambut pelajar lelaki hendaklah pendek.

Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.

1.3.3 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai topi, baju „T“ tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

PERINGATAN:

Pelajar-pelajar yang tidak mematuhi peraturan pakaian dan rupadiri seperti yang dinyatakan di atas TIDAK akan didaftarkan.

2. BANTUAN KEWANGAN

- 2.1 Politeknik **TIDAK** menyediakan biasiswa atau sebarang bantuan kewangan. Walaubagaimanapun pelajar boleh memohon biasiswa/bantuan kewangan melalui politeknik atau memohon sendiri daripada mana-mana penaja.
- 2.2 Pelajar bertanggungjawab menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.
- 2.3 Pelajar dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya (jika layak) memohon biasiswa/pinjaman dari PTPTN, KPT, JPA, Yayasan Negeri masing-masing dan lain-lain badan **sebelum mendaftar** diri di politeknik.
- 2.4 Politeknik akan membantu dan memberi kerjasama kepada pelajar untuk mendapatkan biasiswa/pinjaman dari mana-mana pihak kerajaan atau bukan badan kerajaan.
- 2.5 Pelajar yang layak juga boleh memohon dari Tabung Kebajikan Bekas Perajurit dan Tabung Kebajikan Bekas Polis.
- 2.6 Pelajar digalakkan membawa beberapa salinan fotostat dokumen peribadi yang telah disahkan untuk urusan permohonan biasiswa/pinjaman termasuklah salinan fotostat kad pengenalan dan penyata pendapatan ibu bapa/penjaga.

3. KAD PELAJAR

- 3.1 Pelajar yang tidak memiliki / memakai kad pelajar pada setiap masa dalam kampus boleh dikenakan tindakan denda terus **RM50.00** mengikut Kaedah baru 26A.
- 3.2 Kad Pelajar mestilah **sentiasa** dipakai semasa berada di dalam kampus.
- 3.3 Kad Pelajar mestilah dipakai pada baju/jaket/blazer pada paras dada supaya sentiasa boleh dilihat dengan jelas.
- 3.4 Kad Pelajar mestilah dipakai dengan mempamerkan bahagian gambarnya di hadapan.
- 3.5 Kad Pelajar **TIDAK** boleh diconteng, ditukar butiran/gambar atau diubahsuai.
- 3.6 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai Kad Pelajar pelajar lain.
- 3.7 Pelajar yang Kad Pelajarnya hilang/rosak/tamat tempoh perlu memohon yang baru kepada Pegawai Hal-Hal Pelajar dengan bayaran kos gantian yang ditetapkan oleh politeknik.

4. RUPADIRI

Pelajar Islam **diwajibkan** berpakaian menutup aurat mengikut syarak. Semua pelajar **DILARANG** memakai pakaian **Jean” dan Slack yang menyerupai “jean”**. Pelajar yang tidak mengikut peraturan ini boleh dikenakan denda terus tidak lebih **RM50.00** mengikut Kaedah baru 26A.

4.1 RUPADIRI PELAJAR LELAKI

4.1.1 Pakaian ke Kelas/Bengkel/Makmal

- a. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- b. Baju „T” berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju „T” tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- c. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- d. Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- e. Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
- f. Berseluar „slack” (Pemakaian seluar „jeans” dan bentuk/potong menyerupai „jean” tidak dibenarkan).
- g. Berkasut dan berstokin.
- h. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
- i. Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.

4.1.2 Rambut

- a. Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- b. Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.

4.2 RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

4.2.1 Pakaian Ke Kelas/Bengkel/Makmal

- a. Semua Pelajar wanita Islam **diwajibkan** menutup aurat mengikut syarak.
- b. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK** dibenarkan.
- c. Pelajar bukan Muslim **TIDAK** dibenarkan memakai „skirt” yang lebih pendek dari paras lutut.
- d. Baju „T” berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju „T” tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- e. Berseluar yang tidak ketat. Berseluar „slack” (Pemakaian seluar „jeans” dan bentuk/potong menyerupai „jean” tidak dibenarkan).
- f. Semua pelajar **diwajibkan** memakai kasut bertutup penuh (bahagian jari hingga pergelangan kaki) Semasa ke kuliah dan majlis rasmi.

4.2.2 Rambut

- a. Rambut hendaklah kemas. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.

4.2.3 Perhiasan

Memakai barang kemas yang berlebihan **TIDAK** digalakkan.

4.3 PAKAIAN UNTUK RIADAH

Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti dan persekitaran.

5. MENGHADIRI KULIAH/BENGGEL

Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah/bengkel atau lain-lain pengajaran berhubung dengan kursus pengajiannya dan MESTILAH:

- 5.1 Kehadirannya tidak kurang 80%;
- 5.2 Berada dalam bilik kuliah/bengkel mengikut jadual yang ditetapkan;
- 5.3 Mendapat kebenaran bertulis Ketua Jabatan untuk tidak hadir;
- 5.4 Memberi alasan bertulis yang munasabah untuk mendapat kelulusan ketidakhadirannya dari pihak politeknik sekiranya perkara (c) di atas tidak diperolehi terlebih dahulu.

JENIS PAKAIAN YANG DIBENARKAN DALAM KAMPUS DI KULIAH / MAKMAL / BENGKEL

SISWA



SISWI



MAKMAL



BENKEL



6. KEBERSIHAN DAN KEMUDAHAN

- 6.1 Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan kampus Politeknik. Pelajar boleh dikenakan **denda terus RM50.00** jika melanggar peraturan ini.
- 6.2 Segala kemudahan yang disediakan oleh politeknik hendaklah digunakan dengan penuh tanggungjawab, cermat, selamat tanpa sebarang pembaziran kuasa elektrik, bekalan air dan bahan-bahan yang digunakan.
- 6.3 Pelajar hendaklah menjaga atau memelihara semua kemudahan yang terdapat di politeknik supaya kepentingan pelajar lain juga terpelihara.
- 6.4 Pelajar dipertanggungjawab untuk menentukan/memastikan semua suis lampu / kipas / alat hawa dingin / komputer / mesin di „offkan” sebelum meninggalkan kelas/bengkel/makmal/dewan kuliah.

7. HARTA BENDA

Perbuatan merosakkan harta benda politeknik seperti perabot, peralatan dalam bilik/makmal/bengkel, kenderaan rasmi politeknik atau menconteng dinding/notis rasmi/pekeliling rasmi atau merosakkan tanaman di dalam kampus adalah menjadi suatu kesalahan tatatertib.

8. PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERSATUAN/BADAN/ PERTUBUHAN/ KUMPULAN DAN PARTI POLITIK

- 8.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan menjadi ahli mana-mana parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Menteri atau wakil kuasanya.
- 8.2 Pelajar **TIDAK** dibenar menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang diharamkan.
- 8.3 Semua aktiviti pelajar yang hendak dijalankan di dalam dan di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah.
- 8.4 Penerbitan dan pengedaran sebarang dokumen atau risalah di dalam ataupun di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah.

9. BAHAN-BAHAN LUCAH, DADAH, RACUN, MABUK DAN BERJUDI

- 9.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah, dadah, racun atau minuman keras.
- 9.2 Pelajar **TIDAK** dibenarkan melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah di dalam atau diluar kampus.
- 9.3 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengedar, membahagi-bahagi atau mempamerkan apa-apa bahan lucah untuk tujuan mendapat/tanpa bayaran atau apa-apa balasan lain.
- 9.4 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas, alat, radas atau barang yang pada pendapat pihak berkuasa tatatertib adalah rekabentuk atau dimaksudkan untuk digunakan bagi memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan jalan cucuk atau dengan apa-apa jua cara lain apa-apa dadah atau racun.
- 9.5 Pelajar **TIDAK** dibenarkan meminum minuman yang memabukkan atau didapati dalam keadaan mabuk di dalam atau luar kampus.
- 9.6 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengurus, menganjur, atau menjalankan, atau menyertai apa-apa aktiviti perjudian, pertaruhan atau loteri di dalam atau di luar kampus.

10. GANGGUAN KETENTERAMAN

- 10.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan membuat bising, ketawa dengan kuat, bertempik, melaung-laung atau bercakap secara kurang sopan sama ada di bilik kuliah / dewan kuliah / bengkel / makmal / perpustakaan / pejabat pentadbiran atau berhampiran dengannya.
- 10.2 Pelajar **TIDAK** dibenar menimbulkan suasana kacau-bilau, huru-hara atau menghasut pelajar-pelajar menentang pihak berkuasa politeknik.
- 10.3 Pelajar boleh menyuarakan segala rasa tidak puas hati melalui saluran tertentu seperti Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) atau peti cadangan.

11. PENCERAMAH LUAR

Pelajar mestilah mendapat **kebenaran bertulis** daripada Pengarah sebelum menjemput pihak luar untuk memberi ceramah/perbincangan kepada pelajar di dalam atau di luar politeknik. Kebenaran ini tertakluk kepada had dan syarat yang ditetapkan.

12. KESALAHAN–KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN / PEMBUANGAN PELAJAR DARI POLITEKNIK

Di antaranya ;

- 12.1** Mencemar nama baik politeknik, kakitangan atau pelajarnya sama ada di dalam atau di luar kampus politeknik dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
- 12.2** Mengganggu atau menghalang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di politeknik.
- 12.3** Merosak, mencacat (vandalisme) harta benda milik politeknik, kerajaan, awam atau orang perseorangan.
- 12.4** Mengganggu atau menghalang kakitangan atau pelajar politeknik daripada menjalankan tugasnya yang sah.
- 12.5** Membuat, mengguna, mempamer, menampal dan memiliki panji-panji, poster, lambang dan lain-lain untuk tujuan menghasut pelajar lain melanggar tata tertib di dalam atau di luar kampus.
- 12.6** Menerbit atau mengedar dokumen-dokumen di dalam atau di luar kampus dengan tujuan untuk menghasut atau memburuk-burukkan politeknik atau pihak lain.
- 12.7** Menjalankan perniagaan/perkhidmatan, kedai atau gerai di dalam kampus tanpa kebenaran bertulis daripada pihak politeknik.
- 12.8** Membuat kenyataan dalam bentuk lisan atau bertulis kepada pihak luar mengenai politeknik, kakitangan atau pelajarnya.
- 12.9** Membuat bantahan secara lisan atau bertulis mengenai sebarang keputusan pihak politeknik tanpa melalui saluran yang ditetapkan.
- 12.10** Terlibat dengan perjudian, pertaruhan atau loteri.
- 12.11** Meminum, mengedar, menyimpan, menyorok atau membuat minuman keras/bahan kimia yang memabukkan/mengkhayalkan.
- 12.12** Berkeadaan mabuk kerana minuman atau sesuatu bahan yang diambil untuk memabukkan atau mengkhayalkan.
- 12.13** Menonton, memiliki, mendengar, menampal, mengedar, menyorok atau terlibat dengan pertunjukan bahan-bahan lucah.
- 12.14** Memberi atau menyebarkan maklumat palsu.
- 12.15** Menggengari arahan sah pihak berkuasa tata tertib, pensyarah, pegawai atau kakitangan politeknik yang diberi kuasa.
- 12.16** Memalsukan tanda tangan atau cop rasmi pihak berkuasa politeknik atau pihak lain yang terlibat dengan politeknik.
- 12.17** Melakukan ugutan atau "ragging" pada bila-bila masa sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 12.18** Berkelakuan biadab dan angkuh terhadap mana-mana kakitangan atau pelajar politeknik atau pihak lain dengan kelakuan, lisan atau tulisan.
- 12.19** Bergaduh, terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 12.20** Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhawat dan membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 12.21** Melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran atau aktiviti seks yang dilarang.
- 12.22** Melakukan penyambungan elektrik atau talian telefon secara haram di mana-mana kawasan kampus.
- 12.23** Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.
- 12.24** Memiliki, menyorok, menyimpan, mengedar, menjual dan mempamer senjata berbahaya seperti senjata api, senjata tajam, buku lima, kerambit dan lain-lain.

- 12.25 Dituduh oleh mahkamah terbabit atau disyaki melakukan kesalahan jenayah sivil atau jenayah syariah.
- 12.26 Terlibat dengan najis dadah seperti mengambil, mengedar, menyorok, menyimpan atau menjual.
- 12.27 Terlibat dengan pemboikotan/pemuluan aktiviti sah politeknik.
- 12.28 Terlibat dengan demonstrasi yang tidak dibenarkan di luar atau di dalam kampus politeknik.
- 12.29 Menimbul/menghasut isu perkauman, integrasi nasional untuk tujuan mewujudkan suasana tegang, perpecahan atau permusuhan.
- 12.30 Memungut atau cuba memungut wang dengan cara persendirian, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.
- 12.31 Menganggotai atau memberi sokongan kepada kumpulan, badan atau pertubuhan yang diharamkan oleh politeknik atau kerajaan.

13. LARANGAN MEROKOK

- 13.1 Pelajar **DILARANG** merokok di mana-mana kawasan kampus politeknik. Pelajar boleh dikenakan **denda terus RM50.00** jika melanggar peraturan ini. (Kebersihan)

14. HAL-HAL LAIN

- 14.1 Pelajar **TIDAK** boleh terlibat dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau aktiviti lain, sama ada sepenuh atau separuh masa, yang pada pendapat Pengarah adalah tidak diingini.
- 14.2 Pelajar politeknik dikehendaki sentiasa menjaga nama baik dan imej politeknik sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 14.3 Pelajar digalakkan menggunakan peti cadangan yang disediakan untuk memberi cadangan.
- 14.4 Pelajar yang bukan penghuni asrama **TIDAK** dibenarkan berada di asrama lelaki atau perempuan atau menggunakan segala kemudahan yang terdapat di asrama kecuali kafeteria atau surau.
- 14.5 Pelajar juga tertakluk kepada Peraturan dan Undang-Undang Khas Peperiksaan, bengkel, woksyp, makmal, perpustakaan, asrama dan lain-lain yang telah dan akan dikeluarkan oleh politeknik dari semasa ke semasa.
- 14.6 Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

15. PERATURAN KAMSIS / ASRAMA

15.1 PENEMPATAN PELAJAR DI KAMSIS / ASRAMA POLITEKNIK

- 15.1.1 Politeknik menyediakan kemudahan kamsis/asrama yang terhad kepada pelajarannya. Pelajar yang ditawarkan tempat di kamsis/asrama akan ditempatkan sepertimana yang ditentukan oleh Pengarah atau wakil kuasanya.
- 15.1.2 Keputusan pemilihan bagi mendiami kamsis/asrama adalah muktamad dan pelajar **MESTI** patuh pada keputusan itu.
- 15.1.3 Pengarah mempunyai hak mutlak untuk memilih mana-mana pelajar atau orang perseorangan atau perkumpulan bagi mendiami kamsis/asrama politeknik.
- 15.1.4 Proses penempatan pelajar ke kamsis/asrama dibuat setiap semester. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh diperolehi di Pejabat Warden atau Penyelia Asrama.

- 15.1.5 Pengarah atau wakil kuasanya boleh menarik balik tawaran tempat tinggal di kamsis/asrama atas sebab-sebab kepentingan politeknik pada bila-bila masa.

15.2 BAYARAN

- 15.2.1 Yuran kamsis/asrama hendaklah dibayar sepenuhnya untuk sesuatu semester bagi tiap-tiap semester pengajian politeknik sepanjang penginapan di kamsis/asrama. Penghuni yang hendak meninggalkan kamsis/asrama pada pertengahan semester tidak akan dikembalikan wang yuran yang telah dibayar.
- 15.2.2 Yuran kamsis/asrama hendaklah dibuat pembayaran dibank yang ditentukan oleh Politeknik dan di **wajibkan** membawa slip bank pada hari pendaftaran atau pada tarikh mula tinggal di kamsis/asrama.
- 15.2.3 Bayaran untuk kad kamsis/asrama dibuat semasa pendaftaran kamsis/asrama. Bayaran lain/tambahan akan dikenakan untuk membuat kad kamsis/asrama kali kedua dan seterusnya.
- 15.2.4 Harta benda kamsis/asrama yang dirosakkan atau dihilangkan oleh penghuni/sekumpulan penghuni hendaklah diganti oleh penghuni/sekumpulan penghuni berkenaan dengan segera apabila diarahkan oleh Pengarah atau wakil kuasanya.
- 15.2.5 Kadar bayaran gantirugi dan sebagainya adalah tertakluk kepada penetapan Pengarah.

15.3 TATATERTIB AM KAMSIS/ASRAMA

- 15.3.1 Penghuni hendaklah memastikan semua peralatan dan perabot di dalam biliknya lengkap dan sempurna semasa mula menduduki bilik. Sebarang kekurangan atau kerosakan perlu dilaporkan kepada pihak pengurusan kamsis/asrama dengan segera.
- 15.3.2 Penghuni hendaklah berkelakuan baik serta berhemah tinggi dan hendaklah sentiasa memelihara suasana harmoni di kamsis/ asrama.
- 15.3.3 Hanya penghuni yang berdaftar sahaja dibenarkan tinggal di bilik kamsis/asrama. Penghuni kamsis/asrama tidak dibenarkan memberi tumpangan penginapan kepada mana-mana pelajar lain, tetamu atau pelawat di mana-mana bilik kamsis/asrama.
- 15.3.4 Semua peralatan yang terdapat di bilik kamsis/asrama **TIDAK** boleh diubah kedudukannya atau diubahsuai tanpa kebenaran daripada Pengarah atau wakil kuasanya.
- 15.3.5 Kebersihan bilik adalah tanggungjawab penghuninya. Penggunaan cadar dan sarung bantal **DIMESTIKAN**.
- 15.3.6 Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri. Bilik hendaklah sentiasa dikunci bagi tujuan keselamatan.
- 15.3.7 Bertukar bilik tanpa kebenaran daripada Pengarah atau wakil kuasanya adalah **TIDAK** dibenarkan.
- 15.3.8 Semua penghuni bertanggungjawab ke atas bilik, aras dan blok mereka secara berkumpulan.
- 15.3.9 Penghuni **TIDAK** dibenarkan membawa sebarang jenis senjata ke dalam kamsis/asrama.
- 15.3.10 Sebarang bentuk „ragging“ **TIDAK** dibenarkan.
- 15.3.11 Pelajar lelaki **DILARANG** memasuki kawasan kamsis/asrama perempuan atau sebaliknya.
- 15.3.12 Seorang penghuni **TIDAK** boleh melakukan sesuatu untuk menghalang atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau wakil politeknik dari memasuki bilik penghuni menetap itu untuk menjalankan tugas-tugas dan

- kewajipannya.
- 15.3.13 Pengarah atau wakil kuasanya boleh mengarah penghuni mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat tinggal yang lain pada bila-bila masa.
 - 15.3.14 Selepas jam 10.00 malam, hanya penghuni kamsis/asrama sahaja yang boleh berada di dalam kawasan kamsis/asrama.
 - 15.3.15 Penghuni **TIDAK** dibenarkan menghadiri atau mengelola apa-apa jenis perjumpaan atau perhimpunan di kawasan kamsis/asrama kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah atau wakil kuasanya.
 - 15.3.16 Penghuni hendaklah sentiasa membawa/ada di bawah kawalannya kad kamsis/asrama semasa berada di kawasan kamsis/asrama.
 - 15.3.17 Penggunaan peralatan elektrik di dalam bilik kamsis/asrama hendaklah dengan mendapat kebenaran pihak berkuasa kamsis/asrama terlebih dahulu. Penggunaan radio, cakera padat dan pemain kaset adalah dibenarkan dengan syarat tidak mengganggu ketenteraman penghuni lain. Penggunaan fon telinga adalah digalakkan.
 - 15.3.18 Pengarah atau wakil kuasanya boleh, dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah atau arahan yang difikirkan perlu dan sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib di dalam kamsis/asrama.
 - 15.3.19 Sebarang bentuk penyambungan/pendawaian elektrik (wiring) di dalam kamsis/asrama adalah **DILARANG** sama sekali. Mana- mana penghuni yang melakukan penyambungan/pendawaian elektrik adalah dianggap merosakkan harta benda atau bangunan politeknik dan pihak politeknik berhak menuntut ganti rugi dan mengenakan tindakan tatatertib.
 - 15.3.20 Penghuni **DILARANG** memasuki kawasan kediaman kakitangan kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.

15.4 PERATURAN MENGOSONGKAN BILIK KAMSIS/ASRAMA

- 15.4.1 Penghuni hendaklah mengosongkan biliknya apabila diarah, pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak politeknik.
- 15.4.2 Sebelum keluar, bilik hendaklah dibersihkan terlebih dahulu oleh penghuninya. Sekiranya berlaku kerosakan, kekotoran, pencemaran atau kehilangan peralatan serta kemudahannya, penghuni akan diminta membayar ganti rugi.
- 15.4.3 Penghuni hendaklah memindahkan kesemua barang miliknya dari bilik. Sebarang peralatan dan barang-barang yang ditinggalkan disifatkan sebagai tidak diperlukan dan pihak kamsis/asrama boleh membuangnya.
- 15.4.4 Penghuni hendaklah menutup suis lampu, kipas, tingkap dan mengunci pintu sebelum meninggalkan bilik.
- 15.4.5 Kunci hendaklah **diserahkan sendiri** ke Pejabat Penyelia Kamsis/Asrama selewat-lewatnya pada hari akhir mengosongkan atau notis pengosongan bilik pada waktu pejabat. Kegagalan menyerahkan kunci **denda** akan dikenakan **RM50**.

15.5 PERATURAN KELUAR MASUK HARIAN, HUJUNG MINGGU DAN CUTI PENDEK

- 15.5.1 Semua penghuni kamsis/asrama yang keluar dari kawasan kampus politeknik atas urusan harian dikehendaki **masuk** semula ke kamsis/asrama tidak lewat dari **jam 10.00 malam** pada hari yang sama kecuali dengan kebenaran yang diberikan oleh warden. Setiap penghuni kamsis/asrama hendaklah melapor diri di Pondok Pengawal dan perlu meninggalkan kad

- kamsis/asrama ketika keluar dan masuk ke kamsis/asrama.
- 15.5.2 Penghuni kamsis/asrama **TIDAK** dibenarkan bermalam di luar kamsis/asrama kecuali mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah atau wakil kuasanya. Penghuni **DIMESTIKAN** merekod maklumat yang dikehendaki di Pondok Pengawal dan melapor semula apabila kembali ke kamsis/asrama.
- 15.5.3 Semua penghuni kamsis/asrama yang bermalam di luar kampus pada hujung minggu, cuti umum atau cuti pendek dikehendaki **masuk** semula ke kampus tidak lewat dari **jam 10.00** malam.

15.6 PERATURAN MENERIMA TETAMU

- 15.6.1 Tetamu penghuni kamsis/asrama hendaklah dilayan di kafetaria atau di tempat yang disediakan.
- 15.6.2 Pelawat yang bukan pelajar politeknik dikehendaki mengambil pas pelawat yang boleh diperolehi di Pondok Pengawal Keselamatan semasa memasuki kawasan politeknik.
- 15.6.3 Masa melawat adalah seperti berikut:
Hari Kuliah - 4.00 ptg. hingga jam 7.00mlm. Cuti
Hujung Minggu/Umum - 8.00 pg. hingga jam 7.00mlm.

15.7 MEMASAK DAN MAKANAN

- 15.7.1 Penghuni kamsis/asrama **DILARANG** memasak.
- 15.7.2 Penghuni **DILARANG** menggunakan pemanas air (immersion heater). Air panas boleh didapati dengan memasak menggunakan cerek yang disediakan atau dari "water dispenser".
- 15.7.3 Hanya bahan-bahan makanan yang halal di sisi Agama Islam sahaja yang dibenarkan dibawa masuk ke kamsis/asrama.
- 15.7.4 Penghuni **DILARANG** menggunakan bilik kamsis/asrama sebagai tempat makan makanan yang mengotorkan bilik atau yang menyebabkan kerosakan salur air dan elektrik, dan juga menimbulkan bau yang kurang menyenangkan penghuni lain.

15.8 PERATURAN BERPAKAIAN

- 15.8.1 Setiap penghuni yang masuk ke kafetaria hendaklah berpakaian kemas dan sesuai. Pakaian sukan (seluar pendek) yang lusuh dan berpeluh, pakaian tidur atau baju singlet **TIDAK** dibenarkan di dalam kafetaria.
- 15.8.2 Pelajar lelaki **DILARANG** berkain pelek/sarong dalam kafetaria.
- 15.8.3 Pakaian **TIDAK** boleh disangkut pada tingkap atau tempat-tempat lain melainkan pada ampaian yang disediakan.
- 15.8.4 Pakaian hendaklah disimpan dalam almari yang telah disediakan.
- 15.8.5 Penghuni yang hendak menggosok pakaian mereka hendaklah berbuat demikian di bilik yang telah dikhaskan.
- 15.8.6 Penghuni adalah dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan tidak menjolok mata pada setiap masa di kawasan kamsis/asrama.
- 15.8.7 Memakai pakaian yang dianggap kurang sopan seperti seluar pendek, baju yang tidak berlengan atau pakaian yang bertulis kata-kata yang hina, logo parti politik atau mempunyai gambar atau lukisan yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran **TIDAK** dibenarkan.
- 15.8.8 Rambut hendaklah sentiasa kemas. Rambut yang mengembang atau rambut yang beraneka fesyen adalah tidak dibenarkan.
- 15.8.9 Pelajar perempuan **TIDAK** digalakkan memakai barangan kemas yang

berlebihan.

15.8.10 Pelajar lelaki **DILARANG** memakai sebarang perhiasan diri.

15.9 LARANGAN MEMELIHARA BINATANG

15.9.1 Penghuni **DILARANG** memelihara atau menternak apa-apa jenis binatang di dalam bilik atau kawasan kamsis/asrama.

15.9.2 Sebarang jenis binatang yang terlepas masuk ke kawasan kamsis/asrama hendaklah diserahkan atau dilaporkan kepada waden.

15.10 IKLAN, NOTIS, MAKLUMAN, RISALAH DAN LAIN-LAIN

15.10.1 Iklan dan notis hanya boleh ditampal dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya di papan notis yang disediakan sahaja.

15.10.2 Semua iklan dan notis yang ditampal hendaklah ditanggalkan semula setelah tamat tempoh pemberitahuan.

15.10.3 Semua poster atau hiasan dinding bilik **TIDAK** boleh menggunakan paku kecuali alat penyangkut gambar atau "poster hanger" yang sesuai yang mana gamnya tidak merosakkan dinding.

15.10.4 Penghuni **DILARANG** mengotorkan dinding atau mana-mana bahagian bangunan kamsis/asrama dengan apa cara sekali pun.

15.11 KESELAMATAN HARTA BENDA

15.11.1 Untuk mengelakkan kecurian, penghuni hendaklah memastikan biliknya sentiasa dikunci.

15.11.2 Penghuni **TIDAK** digalakkan menyimpan wang yang berlebihan dan peralatan berharga di dalam bilik.

15.11.3 Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri.

15.11.4 Kes kecurian hendaklah dilaporkan dengan segera kepada waden.

15.12 LARANGAN BERNIAGA DI KAMSIS/ASRAMA

15.12.1 Penghuni **TIDAK** dibenarkan berniaga di mana-mana kawasan kamsis/asrama kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.

15.12.2 Semua penghuni yang membeli makanan atau barangan di kafeteria atau di Kedai Koperasi adalah bertanggungjawab ke atas dirinya sendiri.

15.13 KESELAMATAN, KEBAKARAN DAN BANTUAN KECEMASAN

15.13.1 Penghuni yang nampak punca api hendaklah bertindak dengan bijaksana untuk memadamkannya atau berhubung terus dengan waden atau Jabatan Bomba dan Penyelamat. Penghuni hendaklah keluar dari bilik dengan pantas dan berkumpul di satu tempat yang selamat.

15.13.2 Perkara-perkara yang menjadi punca kebakaran seperti penggunaan ubat nyamuk, pelita, lilin atau sebarang perbuatan yang boleh mengakibatkan kebakaran berlaku **TIDAK** dibenarkan.

15.13.3 Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan segera, sila beritahu waden dengan segera. Jika waden tiada, hendaklah menghubungi mana-mana wakil aras, pensyarah atau pengawal keselamatan.

15.13.4 Jika penghuni sakit, rakan sebilik atau searasnya bertanggungjawab melaporkannya kepada waden dengan segera.

- 15.13.5 Pelajar yang menerima, mengetahui atau mengesyaki apa-apa jenis ancaman atau ugutan hendaklah melaporkan dengan segera kepada Pengarah atau wakil kuasanya.

15.14 LALULINTAS DI KAWASAN KAMSIS / ASRAMA

- 15.14.1 Pelajar yang membawa kenderaan bermotor ke kamsis/asrama hendaklah **mendapat kebenaran** dari **ketua waden** dan tertakluk kepada Peraturan Am Lalulintas Politeknik.
- 15.14.2 Kenderaan hendaklah dipandu **TIDAK** melebihi had laju yang ditetapkan di dalam kampus.
- 15.14.3 Penunggang motosikal dan pembonceng dimestikan memakai topi keledar.
- 15.14.4 Semua kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang dihaskan sahaja.

15.15 TEMPAT-TEMPAT KEMUDAHAN

- 15.15.1 Penghuni hendaklah menggunakan semua tempat kemudahan dengan cermat dan bertanggungjawab.
- 15.15.2 Penghuni bagi sesuatu aras bagi sesuatu blok itu adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan bilik air, tempat lalu-lalang, bilik membasuh, tangga atau apa-apa sahaja tempat kemudahan bagi aras atau blok tersebut.
- 15.15.3 Penghuni yang menggunakan tempat kemudahan atau peralatan hendaklah sentiasa bersikapimbang rasa kepada mereka yang ingin menggunakan kemudahan tersebut atau kepada orang lain.

15.16 SURAT/SURAT BERDAFTAR/BUNGKUSAN/TELEGRAM

- 15.16.1 Surat akan diedarkan melalui peti edaran surat kecuali surat berdaftar.
- 15.16.2 Surat berdaftar dan bungkusan adalah di bawah urusan Pejabat Am Politeknik.
- 15.16.3 Telegram yang diterima akan disampaikan terus kepada penerima.
- 15.16.4 Semua pertanyaan berkenaan dengan surat hendaklah dibuat di Pejabat Pentadbiran Politeknik.

15.17 BERKEMPEN

- 15.17.1 Sebarang kempen bagi tujuan apa jua sekali pun hendaklah mendapatkan kebenaran dari Pengarah atau wakil kuasanya.
- 15.17.2 Jika dibenarkan oleh Pengarah atau wakil kuasanya untuk berkempen, Pengarah atau wakil kuasanya boleh mengenakan had dan syarat.

15.18 BILIK MANDI DAN BILIK BASUH PELAJAR

- 15.18.1 Penghuni kamsis/asrama adalah bertanggungjawab secara kumpulan ke atas kebersihan bilik mandi dan bilik basuh pelajar serta laluan aras masing-masing dan memastikan kebersihannya dijaga.
- 15.18.2 Pembaziran adalah ditegah dan penghuni hendaklah mempunyai rasa bertanggungjawab ke atas penggunaan air dan elektrik. Segala kerosakan atau kebocoran hendaklah dilaporkan segera kepada pihak pengurusan kamsis/asrama.
- 15.18.3 Penghuni kamsis/asrama **TIDAK** dibenarkan membuang sampah atau sebarang jenis bahan asing ke dalam tandas. Penghuni aras akan dipertanggungjawabkan ke atas kes-kes tersumbat yang disebabkan oleh

kecuiaan atau salahguna oleh penghuni aras berkenaan.

15.19 AKTIVITI SOSIAL, PERHIMPUNAN, TAKLIMAT, KULIAH DAN CERAMAH

- 15.19.1 Penghuni kamsis/asrama yang berkenaan adalah dikehendaki menghadiri, mengikuti dan mengambil bahagian di dalam apa-apa perjumpaan, perhimpunan, ceramah, taklimat dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh pihak berkuasa kamsis/asrama dan politeknik.
- 15.19.2 Sebarang bentuk aktiviti sosial di kamsis/asrama dan persekitarannya adalah **TIDAK** dibenarkan kecuali mendapat kebenaran bertulis Pengarah atau wakil kuasanya terlebih dahulu.
- 15.19.3 Sebarang bentuk perhimpunan yang melebihi lima (5) orang di kamsis/asrama atau persekitarannya tanpa kebenaran pihak berkuasa kamsis/asrama **TIDAK** dibenarkan.
- 15.19.4 Sebarang bentuk ceramah atau apa jua kegiatan yang melibatkan kakitangan politeknik atau orang luar dari kamsis/asrama mestilah mendapat kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
- 15.19.5 Sebarang perlakuan pelajar politeknik yang boleh mencemarkan nama baik politeknik adalah **DILARANG**.
- 15.19.6 Penghuni kamsis/asrama **TIDAK** dibenarkan bergiat, berkecimpung, melibatkan diri atau memberi sokongan kepada mana-mana parti politik atau kumpulan haram.
- 15.19.7 Pelajar yang berdua-duaan dalam keadaan yang kurang sopan dan mencurigakan dengan pelajar atau orang luar di mana-mana kawasan kampus politeknik adalah **DILARANG**.

15.20 KAWASAN LARANGAN

- 15.20.1 Kawasan blok kediaman pelajar perempuan adalah kawasan larangan kepada pelajar atau pelawat lelaki dan sebaliknya.
- 15.20.2 Sebarang bentuk perbincangan yang berhubung dengan hal-hal akademik atau aktiviti ko-kurikulum di antara pelajar lelaki dan perempuan secara berkumpulan perlu dibuat dalam keadaan yang sopan di kafetaria/mana-mana tempat yang disediakan sahaja sehingga jam 11.00 malam.
- 15.20.3 Pelajar-pelajar dibenarkan masuk ke bilik waden dan Penyelia kamsis/asrama atas urusan rasmi sahaja.
- 15.20.4 Pelajar **TIDAK** dibenarkan naik ke mana-mana kawasan bumbung kamsis/asrama atau masuk ke dalam mana-mana bilik pengagihan elektrik atau mana-mana bilik di kawasan kamsis/asrama yang diisytihar atau ditanda sebagai kawasan larangan tanpa kebenaran pihak berkuasa asrama.
- 15.20.5 Kawasan pentadbiran dan akademik adalah kawasan larangan mulai jam 7.00 malam kecuali dengan kebenaran Pengarah atau wakil kuasanya.
- 15.20.6 Kawasan kafetaria yang meliputi kaunter pengurusan, dapur, bilik- bilik penginapan kakitangan kafetaria adalah kawasan larangan bagi semua pelajar.

15.21 SOLAT

- 15.21.1 Pelajar muslim digalakkan menunaikan solat fardhu secara berjemaah di masjid atau surau politeknik setiap hari.
- 15.21.2 Khusus di bulan Ramadhan, semua pelajar muslim digalakkan menunaikan solat Terawih secara berjemaah di surau beerdekatan kediaman.

15.22 RIADAH

- 15.22.1 Semua kegiatan sukan hendaklah bermula selepas waktu solat Asar dan hendaklah berakhir 15 minit sebelum waktu solat Maghrib.
- 15.22.2 Pakaian pada waktu riadah hendaklah bersesuaian dan tidak menjolok mata.
- 15.22.3 Aktiviti sukan hanya boleh dijalankan di dalam kawasan yang ditetapkan.

16. PERATURAN PELAJAR LUAR KAMSIS / ASRAMA

- 16.1 Pelajar mestilah mematuhi semua Peraturan Am Politeknik yang berkuatkuasa sepanjang tempoh pengajian/kursus/latihan di politeknik.
- 16.2 Pelajar yang menetap/menyewa di luar kawasan kampus mestilah berkelakuan baik, berhemah tinggi dan sentiasa memelihara suasana harmoni di kawasan sekeliling rumahnya.
- 16.3 Sebarang bunyi-bunyian seperti radio/televisyen/gitar yang dipasang/dimainkan hanya sekadar boleh didengar dalam rumah sahaja dan tidak mengganggu jiran-jiran sebelah / sekeliling.
- 16.4 Kebersihan dan keselamatan harta benda adalah tanggungjawab bersama penghuni rumah tersebut.
- 16.5 Pelajar lelaki dan pelajar perempuan **TIDAK** dibenarkan tinggal serumah.
- 16.6 Pelajar lelaki **DILARANG** memasuki rumah pelajar perempuan dan begitu juga sebaliknya.
- 16.7 Pelajar **TIDAK** digalakkan berkumpul di luar kawasan rumah.
- 16.8 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mempamerkan simbol atau bendera mana- mana parti politik di kawasan rumahnya.
- 16.9 Pelajar juga tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Politeknik dan Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Penduduk Setempat.

17. PERATURAN PERPUSTAKAAN

17.1 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN

Pelajar boleh dikenakan **denda terus RM50.00** jika melanggar peraturan ini.

- 17.1.1 **DILARANG** bercakap kuat serta membuat bising sehingga boleh mengganggu pengguna-pengguna lain.
- 17.1.2 **DILARANG** makan, minum, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana pembelajaran di perpustakaan.
- 17.1.3 **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana buku, majalah atau apa-apa bahan cetak kepunyaan Perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada bahan tersebut.
- 17.1.4 **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana harta kepunyaan Perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada barang tersebut.
- 17.1.5 **DILARANG** mengguna telefon mudah alih.
- 17.1.6 Pengguna-pengguna mestilah mematuhi peraturan-peraturan mengenai bilangan buku-buku yang boleh dipinjam dan bertanggungjawab ke atas pemulangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 17.1.7 Peminjam bertanggungjawab ke atas bahan-bahan yang dipinjam. Bagi bahan-bahan yang dihilangkan, peminjam akan dikenakan bayaran

harga semasa sebagai kos gantian bahan tersebut.
 Dalam kes-kes di mana gantian tidak mungkin, Jawatankuasa Perpustakaan akan menentukan harga gantian kes demi kes.

- 17.1.8 Penggantian kad baru akan dikenakan bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Politeknik.
- 17.1.9 **DILARANG** membawa masuk beg ke dalam perpustakaan.
- 17.1.10 Pengguna perpustakaan hendaklah menunjukkan semua barang termasuk beg tangan, folder dan sebagainya kepada petugas perpustakaan untuk diperiksa sebelum keluar dari perpustakaan.
- 17.1.11 Semua pertukaran alamat pengguna hendaklah dimaklumkan kepada pihak perpustakaan.
- 17.1.12 Pengguna hendaklah berpakaian yang sesuai mengikut Peraturan Am Politeknik.

17.2 PINJAMAN BUKU PERPUSTAKAAN

Pengguna layak meminjam buku daripada koleksi pinjaman dan koleksi pinjaman terhad. Cara meminjam adalah seperti berikut:

- 17.2.1 Koleksi Pinjaman
 Untuk meminjam buku-buku koleksi ini, pengguna mengemukakan kad pelajar dan buku yang hendak dipinjam kepada kakitangan di kaunter untuk diuruskan pinjaman tersebut.
- 17.2.2 Koleksi Pinjaman Terhad
 Untuk meminjam buku-buku dari koleksi ini, sama seperti pinjaman biasa cuma tempoh pinjaman lebih singkat.
- 17.2.3 Tempahan
 Pengguna boleh menempah buku-buku yang dipinjam oleh pengguna lain dengan mengisi borang tempahan. Pengguna akan diberitahu melalui papan kenyataan di perpustakaan.

17.3 BILANGAN BUKU DAN TEMPOH PINJAMAN

KATEGORI	BILANGAN BUKU	TEMPOH PINJAMAN
Koleksi Pinjaman	3 Buah	2 minggu
Koleksi Terhad	1 Buah	1 hari

17.4 HAL-HAL LAIN

- 17.4.1 Pihak perpustakaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan barang-barang persendirian yang diletak atau tertinggal di dalam/luar perpustakaan.
- 17.4.2 Petugas perpustakaan berhak mengarah sesiapa sahaja yang melanggar sebarang peraturan perpustakaan atau peraturan Politeknik untuk keluar dari perpustakaan.
- 17.4.3 Pihak perpustakaan berhak meminta pengguna memulangkan bahan-bahan pinjaman walaupun belum tamat tempoh pinjamannya.
- 17.4.4 Penggunaan ruang perpustakaan untuk tujuan lain perlu mendapat kelulusan Politeknik.
- 17.4.5 Pertanyaan berkaitan dengan perpustakaan boleh dikemukakan kepada Pegawai Perpustakaan.

- 17.4.6 Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

18. PANDUAN PENGGUNAAN KENDERAAN DAN PERATURAN LALULINTAS

18.1 KENDERAAN RASMI POLITEKNIK

- 18.1.1 Pelajar boleh menggunakan kenderaan politeknik bagi tujuan rasmi dengan memohon dan mendapat kelulusan daripada Pengarah.
- 18.1.2 Pengguna kenderaan politeknik adalah dikehendaki menjaga kebersihan, kemudahan yang terdapat dalam kenderaan serta menjaga disiplin dan tingkahlaku.

18.2 KENDERAAN PERSENDIRIAN

- 18.2.1 Kenderaan bermotor persendirian boleh digunakan di dalam kampus setelah didaftarkan dan mendapat kelulusan bertulis daripada pihak politeknik.
- 18.2.2 Semua kenderaan bermotor yang digunakan untuk keluar masuk kampus mestilah mempamerkan pelekat (sticker) sebelah kiri kenderaan yang dikeluarkan oleh politeknik.
- 18.2.3 Semua kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan dalam kampus dan disusun dengan teratur. Pelajar tidak dibenarkan meletak kenderaan mereka di tempat yang **dikhaskan** untuk **pensyarah/kakitangan** politeknik.
- 18.2.4 Pihak politeknik **tidak bertanggungjawab** ke atas kenderaan (termasuk topi keledar) yang rosak atau hilang di dalam kampus.
- 18.2.5 Semua kenderaan yang digunakan mestilah berada di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.
- 18.2.6 Pelajar yang menggunakan kenderaan bermotor dalam kampus perlu mematuhi peraturan-peraturan berikut:
- Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insurans yang sah.
 - Mematuhi had laju yang telah ditetapkan oleh politeknik.
 - Menggunakan kenderaan bermotor yang **TIDAK** mengeluarkan bunyi bising yang kuat atau yang diubahsuai.
 - Memakai topi keledar semasa menunggang atau membonceng motosikal.
 - Memakai baju pantul cahaya semasa menunggang/ membonceng motosikal adalah digalakkan.
 - Bertimbangrasa terhadap pejalan kaki.
 - Mematuhi semua peraturan dan undang-undang bertulis keselamatan jalanraya seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan.
- 18.2.7 Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

18.3 HUKUMAN KESALAHAN LALU LINTAS

Pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan lalulintas boleh dikenakan denda terus tidak lebih **RM100.00** sebagai ganti tindakan tatatertib.

19. PELANGGARAN PERATURAN

Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan ini boleh dikenakan tindakan berikut :

- 19.1 Tindakan secara pentadbiran sebagaimana yang ditentukan oleh politeknik.
- 19.2 Kaedah-kaedah tata tertib mengikut mana-mana yang berkenaan [(Kaedah 48, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174)].

“Hukuman Tata tertib” Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tata tertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman-hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu disatukan sekali :

- i. amaran;
- ii. denda tidak lebih daripada **lima ratus ringgit (RM500.00)**;
- iii. penggantungan daripada menggunakan apa-apa atau kesemua kemudahan-kemudahan Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- iv. penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di Institusi selama tempoh yang ditentukan ;
- v. penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di Institusi ;
- vi. penyingkiran daripada mana-mana bahagian Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- vii. pembuangan daripada Institusi,

oleh pihak berkuasa tata tertib”.

LAMPIRAN 1

NOTIS KESALAHAN DISIPLIN PELAJAR YANG DIKENAKAN DENDA

PERHATIAN / MAKLUMAN

Kesalahan – kesalahan yang di senaraikan ini adalah kesalahan yang boleh dikenakan tindakan **DENDA** mengikut AKTA 174 Akta Institusi -Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Bahagian IV- Tatatertib Lalulintas Jalan dan Kaedah 26A (Disiplin / Sahsiah Diri).

A) Kesalahan Rupa Diri Dan Pakaian (*)

PELAJAR LELAKI

1. Memakai baju atau baju 'T' yang tidak berlembang dan tidak berkolar.
2. Memakai baju yang bersaiz terlalu besar ("over size").
3. Memakai baju yang bertampung atau bertampal samada di dalam atau di luar kampus.
4. Meletakkan baju di luar seluar (tidak dimasukkan ke dalam seluar –„tuck-in“).
5. Memakai baju yang mempunyai tulisan, perkataan atau gambar yang tidak diluluskan oleh politeknik samada di dalam atau diluar kampus.
6. Memakai baju yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna.
7. Tidak memakai jaket atau 'blazer' politeknik semasa berada di kawasan kampus samada ketika waktu kuliah atau menghadiri majlis rasmi (perjumpaan/ taklimat/ ceramah dan sebagainya).
8. Tidak memakai tali leher sepertimana yang ditetapkan oleh politeknik.
9. Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.
10. Memakai baju melayu (kebangsaan) yang tidak lengkap sepasang (tidak bersamping dan bersongkok hitam).
11. Memakai seluar yang koyak dan bertampal-tampal samada di dalam atau di luar kampus .
12. Memakai seluar yang kaki berserabut dan berbulu-bulu.
13. Memakai seluar yang ketat samada di dalam atau di luar kampus.
14. Memakai seluar dari jenis 'jeans', 'denim' atau 'corduroy' (fesyen banyak poket tampal).
15. Memakai seluar yang singkat iaitu di atas buku lali.
16. Memakai seluar di bawah paras pusat.
17. Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai.
18. Tidak memakai stoking.
19. Memakai kasut yang berwarna selain daripada warna kulit atau hitam/gelap.
20. Memakai kasut yang mempunyai ladam logam yang berbunyi bising.
21. Memakai selipar, terompah atau capal.
22. Mempunyai rambut yang panjang dan tidak kemas samada di dalam atau di luar kampus.
23. Mempunyai fesyen rambut 'afro', 'punk', berekor atau diwarnakan samada di dalam atau di luar kampus.
24. Membotakkan kepala kecuali yang disyariatkan agama.
25. Memakai perhiasan seperti rantai, gelang tangan atau subang.
26. Memakai „kopiah“ /penutup kepala (hanya songkok hitam yang dibenarkan).

PELAJAR PEREMPUAN

27. Memakai pakaian yang mendedahkan bahagian dada, bahu, belakang dan menampakkan mana-mana bahagian badan samada di dalam atau di luar kampus.
28. Memakai pakaian yang ketat, jarang, pendek, nipis atau berbelah samada di dalam atau di luar kampus.
29. Memakai 'skirt' yang pendek iaitu di atas paras lutut samada di dalam atau di luar kampus.
30. Memakai baju „T“ yang tidak berkolar.

31. Memakai baju yang mempunyai tulisan, perkataan atau gambar yang tidak diluluskan oleh politeknik samada di dalam atau di luar kampus .
32. Memakai baju yang tidak berlembang atau berlembang pendek.
33. Memakai baju yang labuhnya di atas paras punggung samada di dalam atau di luar kampus.
34. Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.
35. Memakai seluar yang sama kesalahan disiplin pemakaian seluar seperti pelajar lelaki samada di dalam atau di luar kampus.
36. Memakai selipar atau terompah.
37. Memakai kasut bertumit tinggi yang runcing atau berladam logam yang berbunyi bising.
38. Memakai purdah.
39. Memakai perhiasan seperti barang kemas yang berlebihan.
40. Memakai solekan muka berlebihan.
41. Tidak memakai 'overcoat' atau 'blazer' ketika berada di kawasan kampus samada ketika waktu kuliah atau menghadiri majlis rasmi (perjumpaan/ taklimat/ ceramah dan sebagainya).
42. Mempunyai fesyen rambut 'punk', berekor atau diwarnakan samada di dalam atau di luar kampus

B) Kesalahan Kad Pelajar (*)

1. Tidak dipakai semasa berada di dalam kampus.
2. Tidak dipakai dengan betul.
3. Diconteng, ditukar butiran/gambar atau diubahsuai.
4. Memakai kad matrik pelajar lain.
5. Memakai kad matrik yang tamat tempoh (tiada pelekat sesi pengajian semasa)

C) Kesalahan Kamsis (*)

1. Bilik tidak kemas dan kotor.
2. Katil tiada cadar dan sarung bantal .
3. Membawa bahan-bahan makanan yang dilarang oleh agama Islam ke dalam kamsis.
4. Mengalih atau mengubahsuai perabot yang terdapat di dalam bilik.
5. Membuat ampaian atau mengubahsuai bilik.
6. Mengotorkan bilik air, bilik basuh, tempat laluan, dinding bilik atau mana-mana bahagian/bangunan kamsis dan kemudahan lain yang disediakan.
7. Membuat bising dengan apa cara sekalipun sehingga mengganggu ketenteraman penghuni lain.
8. Memberi tumpangan penginapan kepada pelajar lain, tetamu luar atau penghuni bilik lain.
9. Tidak membawa kad matrik/kad kamsis semasa berada di kawasan kamsis.
10. Menampal sebarang iklan atau notis tanpa kebenaran pihak berkuasa.
11. Memakai pakaian yang tidak kemas, tidak sesuai, mencolok mata atau kurang sopan di dalam kafetaria atau mana-mana kawasan kamsis.
12. Memakai pakaian yang mempunyai tulisan, perkataan atau gambar yang tidak diluluskan oleh Politeknik.
13. Menyangkut pakaian pada tingkap atau tempat-tempat lain selain ampaian yang disediakan.
14. Memelihara atau menternak apa-apa jenis binatang di dalam bilik atau kawasan kamsis.
15. Menampal poster di dalam bilik atau merosakkan atau memaku dinding bilik.
16. Mencacatkan dengan menconteng segala jenis perabot, peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan atau mana-mana dinding/bangunan di kawasan kamsis.
17. Mempunyai fesyen rambut 'afro', 'punk', berekor atau diwarnakan.
18. Mempunyai rambut yang panjang dan tidak kemas (pelajar lelaki).
19. Bersikap bidad dan angkuh terhadap warden, pegawai, kakitangan atau pelajar atau pihak lain dalam bentuk kelakuan atau lisan yang boleh menerbitkan apa-apa bunyi atau bising.
20. Membuang sampah/bahan-bahan lain selain dari tempat yang dikhaskan.
21. Tidak meletakkan pinggan/mangkuk/gelas/cawan di tempat yang dikhaskan di kafetaria.

D) Kesalahan Perpustakaan (*)

1. Tidak memakai kad matrik.
2. Membawa beg atau bungkusan ke dalam perpustakaan.
3. Membuat bising atau bercakap kuat sehingga boleh mengganggu pengguna- pengguna lain.
4. Tidak meletakkan buku yang telah di baca di atas troli yang disediakan.
5. Mengalihkan kerusi dari satu meja ke meja yang lain.
6. Tidak merapatkan kerusi ke meja sebelum meninggalkan perpustakaan.
7. Membawa keluar bahan-bahan perpustakaan tanpa kebenaran.
8. Tidak menunjukkan barang-barang yang dibawa keluar kepada staf perpustakaan apabila diarahkan.
9. Menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana buku, majalah, suratkhbar dan lain-lain bahan bercetak kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada bahan tersebut.
10. Menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana harta (segala jenis perabot, peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan) kepunyaan perpustakaan atau mana-mana dinding/lantai bangunan di perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada harta tersebut.
11. Memakai pakaian yang tidak dibenarkan (pelajar lelaki):
Memakai seluar jeans/ baju 'T' tidak berkolar atau pakaian yang tidak dibenarkan.
Memakai capal/ selipar/ terompah atau kasut yang berbunyi bising.
12. Memakai pakaian yang tidak dibenarkan (pelajar perempuan):
Memakai pakaian yang ketat, jarang, pendek, nipis atau berbelah atau pakaian yang tidak dibenarkan.
Memakai selipar/ terompah atau kasut yang berbunyi bising.
13. Menggunakan telefon bimbit di perpustakaan.
14. Makan, minum, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana pembelajaran di perpustakaan.

E) Vandalisme (*)

1. Mencacatkan dengan menconteng, mengalih atau mengubahsuai segala jenis perabot (kerusi atau meja dan sebagainya) di bilik kuliah, makmal atau bengkel atau mana-mana tempat di dalam kawasan kampus.
2. Mencacatkan dengan menconteng, mengalih atau mengubahsuai peralatan makmal, bengkel, peralatan elektrik dan lain-lain atau kemudahan seperti papan tanda/ notis atau bangunan atau semua perkara yang berkaitan dengan fizikal bangunan tersebut seperti dinding dan lantai.
3. Merosakkan tanaman seperti memijak, mencabut, memetik, mematahkan pokok/ tumbuhan/ bunga yang telah ditanam secara rasmi.

F) Kesalahan Perlakuan (*)

1. Bersikap biadap dan angkuh terhadap pensyarah, pegawai, kakitangan atau pelajar politeknik atau pihak lain dalam bentuk kelakuan atau lisan yang boleh menerbitkan apa-apa bunyi atau bising.
2. Membuat bising, ketawa dengan kuat, bertempik, melaung-laung atau bercakap secara kurang sopan di bilik kuliah/ dewan kuliah/ bengkel/ makmal/ pejabat pentadbiran atau mana-mana kawasan berhampiran dengannya di dalam kampus.
3. Membuat bising, ketawa dengan kuat, bertempik, melaung-laung atau bercakap secara kurang sopan di rumah sewa atau mana-mana kawasan berhampiran dengannya.
4. Mengguna mana-mana bahagian atau bangunan dalam kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur selain tempat yang disediakan untuknya di kamsis.
5. Membuang sampah/bahan-bahan lain selain dari tempat yang dikhaskan.
6. Tidak meletakkan pinggan/mangkuk/gelas/cawan di tempat yang dikhaskan.

G) Kesalahan Lalulintas (**)

1. Tiada lesen memandu yang sah (lesen memandu tamat tempoh/ tiada lesen memandu).
2. Tiada cukai jalan yang sah (cukai jalan tamat tempoh/ tiada cukai jalan).
3. Tiada pelekat kenderaan yang sah (pelekat Politeknik/ „L“/ „P“).
4. Melanggar arahan papan tanda jalan/ pandu arah lalulintas.
5. Membawa kenderaan melebihi had/ kawasan yang ditetapkan.
6. Meletak kenderaan ditempat yang tidak dibenarkan.
7. Membawa kenderaan melebihi had laju yang ditetapkan.
8. Membawa kenderaan dalam keadaan merbahaya.
9. Tidak memakai/mengikat topi keledar/ tali pinggang keledar.
10. Kenderaan mengeluarkan bunyi yang kuat/ bising/ diubahsuai.
11. Tiada cermin sisi disebelah kanan motosikal.
12. Membawa penumpang lebih daripada had yang dibenarkan.
13. Membawa pelajar yang berlainan jantina memboncong motosikal/ memboncong motosikal pelajar yang berlainan jantina.

**MOHON KERJASAMA PELAJAR
MEMATUHI PERATURAN DARI DIKENAKAN DENDA**

LAMPIRAN 2

CARTA ALIR PROSES PEMBAYARAN DENDA



CATATAN

CATATAN

PENAUNG

Tn. Hj. Abd Razak Bin Senan

PENASIHAT

Dr. Hj. Mohd Affandi Bin Mohd Ali

PANEL PENULIS

Mohd Khuzairy Bin Mohd Yusof

Mohd Zarilfaizi Bin Mahyun

Tn. Hj. Mustafa Bin Sarif

Mohammad Habibullah Bin Yahya